



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

### **RESPON BERHUBUNG TUDUHAN OLEH SAUDARA CHE GUBARD**

Saya amat kesal terhadap tuduhan dan tohmahan yang telah dibuat oleh Saudara Che GuBard berhubung Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI). Beliau telah membuat tuduhan palsu dengan menyatakan bahawa penubuhan JK HARMONI sebagai agenda pluralisme agama dibawah Kerajaan. Tuduhan ini amat keterlaluan dan tidak benar sama sekali.

Kerajaan terdahulu melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI). Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya platform yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan selain Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Dua fungsi utama jawatankuasa ini adalah:

- I. mencadangkan kepada kerajaan berhubung pelaksanaan strategi yang bersesuaian serta berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama;
- II. melaksanakan secara bersama aktiviti kesedaran dan keharmonian antara penganut agama demi manfaat masyarakat.

Untuk makluman, JK HARMONI bersidang dua (2) kali setahun dan dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan keahlian seramai tiga (3) orang yang terdiri daripada wakil agensi dari Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), penganut agama islam seramai sepuluh (10) orang dan lima belas (15) orang mewakili penganut selain Islam.

Di bawah JK HARMONI juga terdapat tiga biro utama iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi; Biro Pendidikan dan Penerangan; dan Biro Pengurusan Isu dan Mediasi yang bertujuan untuk memastikan gerak kerja yang lebih efektif dalam melaksanakan inisiatif keharmonian antara agama di Malaysia.

Selain itu, Saudara Che GuBard turut membuat tuduhan palsu dengan menyatakan bahawa kehadiran anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ke Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) melalui Program Harmoni MADANI melibatkan aktiviti ritual dengan tujuan untuk menyamaratakan agama lain dengan Islam.

Saya ingin menekankan sekeras-kerasnya bahawa pelaksanaan Program Jejak Harmoni iaitu salah satu program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI tidak langsung menyentuh tentang akidah atau amalan ritual mana-mana agama. Program ini bertujuan untuk menyebarkan semangat kebersamaan, saling memahami, mengangkat nilai sejagat antara agama sekaligus mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan budaya. Pelaksanaan Inisiatif Harmoni MADANI mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu Faham, Hormat dan Terima bagi memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara.

Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) tahun 2022 mencatat nilai 0.629 menunjukkan perpaduan nasional berada pada tahap sederhana dan terkawal. Salah satu asas pembangunan IPNas adalah penelitian dan pengenalpastian defisit sosial yang dikategorikan kepada 10 perkara iaitu Etnisiti, Agama, Kelas Sosial, Pendidikan, Bahasa, Jurang Generasi, Gender, Politik Federalisme, Ruang Bandar-Desa dan Media. Agama turut menjadi salah satu defisit sosial kerana kurang sensitiviti serta kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi masyarakat.

Pengurusan isu dan cabaran menyentuh konteks perpaduan memerlukan pendekatan dan inisiatif berterusan bagi memastikan keadaan perpaduan masyarakat sentiasa terpelihara. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjadikan keharmonian antara pengikut agama sebagai agenda utama dalam meningkatkan keharmonian rakyat di negara ini.

KPN telah merancang tujuh (7) program utama di bawah inisiatif ini iaitu: (i) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia; (ii) Podcast: Bicara Harmoni; (iii) Dialog Harmoni; (iv) Jejak Harmoni; (v) Dokumentari Harmoni; (vi) Seminar Tokoh Pelbagai Agama; (vii) Wacana Memupuk Perpaduan dalam kalangan Penganut Pelbagai Agama. Kesemua program ini telah diluluskan melalui JK HARMONI yang terdiri daripada pemimpin agama Islam dan agama selain Islam.

Pada 8 Ogos 2024, JK HARMONI telah meluluskan cadangan Piagam Harmoni Malaysia sebagai medium perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia. Piagam Harmoni itu merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju di samping mengandungi satu garis panduan yang meliputi perkara yang dibolehkan dan dielakkan dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya. Piagam ini juga mampu menatihahkan kemakmuran seperti dihasratkan dalam konsep Malaysia MADANI.

Adalah penting untuk kita semua menerapkan dan menyebarluaskan konsep Faham, Hormat dan Terima dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.

Sekian, Terima Kasih

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**

**Menteri Perpaduan Negara**

10 September 2024